

**NO SOALAN :49****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY  
(KOTA KINABALU)****PERTANYAAN : LISAN****TARIKH : 30.11.2017**

**Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY [ KOTA KINABALU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah anggaran hasil dalam bentuk cukai langsung, cukai tidak langsung dan sebagainya yang diperoleh dari Sabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tahun 2016, kutipan hasil Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM212.4 bilion. Daripada jumlah tersebut, kutipan hasil cukai Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM169.3 bilion, manakala bakinya yang berjumlah RM43.1 bilion merupakan hasil bukan cukai. Daripada hasil cukai, jumlah cukai yang dikutip di Sabah

bagi tahun yang sama adalah sebanyak RM5.9 bilion iaitu 2.8% daripada hasil keseluruhan Kerajaan Persekutuan. Daripada RM5.9 bilion tersebut, hasil cukai langsung yang dikutip di Sabah adalah berjumlah RM3.4 bilion manakala cukai tidak langsung pula berjumlah RM2.5 bilion.

Walau bagaimanapun, kutipan cukai tersebut tidak menggambarkan hasil sebenar yang dijana di sesebuah negeri kerana pembayaran cukai bagi aktiviti perniagaan boleh dilaksanakan di luar dari negeri berkenaan. Sebagai contohnya, terdapat syarikat yang membayar cukai di LHDN Kuala Lumpur kerana mempunyai ibu pejabat di Kuala Lumpur sedangkan aktiviti syarikat sebenarnya adalah di negeri lain.